

Adakan taklimat banjir kepada pelajar menjelang cuti sekolah

KUALA TERENGGANU 1 Jan. - Setiap sekolah khususnya di kawasan yang sering dilanda banjir pada musim tengkujuh disarak mengadakan taklimat kepada para pelajar menjelang cuti persekolahan mengenai aspek keselamatan semasa mengalami bencana.

Ketua Biro Ekonomi Dan Pembangunan Usahawan (BEPU) Pemuda UMNO, Datuk Sohaimi Shahadan berkata, ini sebagai suatu langkah pencegahan mengelak daripada ditimpa musibah kerana kebanyakan pelajar mungkin melihat banjir sebagai suasana menyeronokkan untuk bermain air bersama rakan-rakan.

“Saya saran kalau boleh pihak sekolah mengadakan taklimat khas atau penerangan seawal penggal ketiga sebelum cuti persekolahan bermula dan jadikan ia satu agenda wajib setiap tahun agar mereka tidak lali dan sentiasa beringat.

“Sekarang ini pun sebenarnya masih belum terlambat kerana sesi persekolahan baru sahaja bermula dan musim banjir juga dijangka berlarutan agar bilangan mangsa tidak terus bertambah,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat keluarga mangsa banjir yang lemas pada 26 Disember lalu iaitu Mohd. Badrul

Amin Abd. Rahman, 15, di Kampung Kebor Air, Manir dekat sini.

Turut sama dalam lawatan itu ialah ADUN Teluk Pasu, Datuk Abdul Rahin Mohd. Said yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri.

Sohaimi turut menghulurkan sumbangan berupa wang tunai serta barangan makanan kepada keluarga mangsa.

Beliau juga sempat meluangkan masa mengunjungi dua lagi keluarga mangsa banjir di daerah Setiu.

Dalam pada itu, Sohaimi berkata, program anjuran BEPU itu bertujuan menziarahi serta menyelami nasib keluarga mangsa yang ditimpa bencana termasuk banjir.

Sementara itu, keluarga mangsa terharu menerima kunjungan pelbagai pihak yang bersimpati dengan nasib yang menimpa keluarga mereka.

Faridah berkata, hanya Allah SWT yang mampu membalas jasa serta sumbangan yang dihulurkan oleh pihak yang prihatin ketika keluarganya masih dalam keadaan sugul.

“Saya bersyukur kerana ramai yang ambil berat dengan nasib yang menimpa kami sekeluarga,” ujar suri rumah itu.

Menurut Faridah, anak kelapan



KELUARGA mangsa lemas, Abd. Rahman Muda (dua dari kanan) dan Faridah Abdul Rahman (kanan) menerima kunjungan Sohaimi Shahadan (dua dari kiri) di rumah mereka di Kampung Kebor Air, Kuala Terengganu, Terengganu, semalam.

daripada sembilan beradik yang merupakan bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Manir itu, tidak tahu berenang.

“Saya telah menasihatinya berulang kali supaya tidak bermain air ketika banjir, tetapi dia (Mohd. Badrul Amin) hanya diam. Esoknya

(hari kejadian), saya dapat panggilan dia ditemui lemas. Apa pun, saya reda dengan ketentuan Ilahi,” katanya.